



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

### TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA**

**PELANCARAN KEMPEN KIBAR BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN  
PERINGKAT WP KUALA LUMPUR**

**LOBI MENARA DBKL 1, WP KL**

**17 JANUARI 2019 (KHAMIS)  
JAM 1.00 PETANG**

### **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini untuk turut bersama-sama mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan sebagai tanda bermulanya Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang bakal disambut pada 1 Februari nanti.
  
2. Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini juga mempunyai nilai tersendiri apabila pertama kalinya kerajaan baharu - Kerajaan Pakatan

Harapan bersama-sama warga Wilayah Persekutuan meraikan sambutan Hari Wilayah Persekutuan dengan harapan dan hala tuju baharu negara kita.

3. Di bawah tumpuk kepimpinan Malaysia Baharu yang dipimpin oleh YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad sememangnya dapat memacu kegemilangan baharu dan mengukir kejayaan demi kejayaan dan dikecapi oleh semua rakyat khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

### **KEMPEN KIBAR BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

4. Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan yang diadakan pada hari ini merupakan *kick-off* kepada semua program dan acara rasmi yang telah disusun dan bakal dilaksanakan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019. Tahun ini adalah sambutan kali yang ke-15 kita meraikan Hari Wilayah Persekutuan ini bagi memperingati pengisytiharan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan.
5. Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dirai dengan penuh kegembiraan dan ditonjolkan semangatnya melalui pengibaran bendera-bendera Wilayah Persekutuan oleh semua warga kota yang menjadi tonggak penyatuan kepada ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.
6. Bendera Wilayah Persekutuan ini telah mula digunakan secara rasmi pada 20 Ogos 2006 bagi melambangkan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya di dalam gagasan Wilayah Persekutuan. Lambang Jata Negara di bahagian tengah bendera mencerminkan Wilayah Persekutuan ini adalah di bawah naungan Kerajaan Persekutuan.
7. Dengan adanya bendera Wilayah Persekutuan pada masa itu, telah meningkatkan lagi semangat seluruh warga Kuala Lumpur, Putrajaya dan

Labuan. Bendera ini jugalah yang dijulang dan dikibarkan di dalam semua majlis rasmi yang disertai dan diwakili oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

8. Oleh itu, ayuh seluruh warga Wilayah Persekutuan..marilah kita bersama-sama mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan di sepanjang bulan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan. Kibarkan bendera ini dengan megah lambang kemasyhuran tiga negeri ini yang mempunyai identiti tersendiri.
9. Saya juga menyeru kepada semua pemilik premis sama ada bangunan kerajaan mahupun swasta serta kediaman persendirian juga untuk bersama-sama memasang dan mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan di premis masing-masing. Malah pihak media juga amatlah digalakkan untuk menunjukkan semangat dengan mengibarkan bendera di premis anda sebagai tanda sokongan !!
10. Inisiatif ini bukan sahaja dapat meningkatkan semangat *patriotisme* di kalangan warga Wilayah Persekutuan malah turut dapat memeriahkan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 dan mengindahkan seluruh kawasan khususnya di Kuala Lumpur, ibu kota Malaysia.

## **TEMA DAN OBJEKTIF SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

11. Pada tahun ini, Sambutan Hari Wilayah Persekutuan mengangkat slogan “Sayangi Wilayahku” sebagai tema. Pemilihan tema ini seiring dengan integrasi nasional dan kesejahteraan yang akan menjadi penggerak utama bagi agenda memperkasakan perpaduan dalam kalangan lapisan masyarakat majmuk khususnya di Wilayah Persekutuan.
12. Hubungan harmoni dan kerjasama dalam kalangan masyarakat merupakan kunci atau senjata utama untuk menghadapi pelbagai ancaman dan cabaran

supaya segala perancangan pembangunan Wilayah Persekutuan yang direncanakan oleh Kerajaan dapat mencapai matlamat yang dihasratkan.

13. Oleh itu, ayuh warga Kuala Lumpur, marilah kita bersama-sama berganding bahu beriringan bersama-sama untuk kita terus memajukan serta memakmurkan ibu kota yang tercinta ini sebagai sebuah bandaraya yang lestari untuk dihuni sepanjang masa.
14. Kita perlu teruskan semangat perpaduan, kekitaan, kebersamaan dan sentiasa menjaga dan memelihara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini bukan sahaja sebagai tempat kita mencari rezeki tetapi juga sebagai sebuah ibu negara Malaysia yang dipandang tinggi di seluruh dunia. Kita tidak pernah kering dari menerima kedatangan pelancong baik dari dalam negeri apatah lagi dari luar negara. Oleh itu, semua warga Kuala Lumpur adalah bertanggungjawab untuk menjaga dan memelihara negeri ini dengan sebaik mungkin.

## **PENGISIAN PROGRAM HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2019**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

15. Bagi pengisian program-program sempena Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini, Kementerian akan menganjurkan sebanyak 21 program sempena Hari Wilayah Persekutuan ini. Memang terdapat pengurangan pelaksanaan program berbanding tahun lalu 45 program atas dasar penjimatan. Namun kesemua program telah dirancang dan disusun sepanjang bulan Februari ini masih inklusif kepada semua golongan dari yang muda, belia, keluarga dan seluruh komuniti di Wilayah Persekutuan. Kesemua program ini adalah khusus untuk warga Wilayah Persekutuan supaya hubungan rapat komuniti dapat dieratkan lagi dengan lebih dekat.
16. Penganjuran program SHWP 2019 merangkumi lima (5) kluster utama iaitu :  
**[RUJUK KALENDAR SHWP 2019]**

- a) Kluster Pengiktirafan
  - b) Kluster Mesra Rakyat
  - c) Kluster Sukan Dan Rekreasi
  - d) Kluster Ilmiah Dan Kerohanian
  - e) Kluster Inisiatif Mensejahterakan Rakyat
17. Oleh itu, penganjuran Sambutan Hari Wilayah Persekutuan ini dilaksanakan secara kerjasama strategik dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Pembangunan Kampung Baru. Lebih istimewa di dalam Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun ini turut disertai oleh tiga agensi baharu di bawah Kementerian iaitu PLAN Malaysia, Jabatan Landskap Negara dan Pejabat Tanah Dan Galian yang juga akan turut serta menganjurkan acara. Pastinya akan menggandakan lagi kemeriahinan dalam Sambutan Hari Wilayah Persekutuan kali ini. Selain itu, Kementerian juga melaksanakan program secara *smart partnership* bersama badan-badan NGO.
18. Program-program ini juga disusun mengikut kluster seperti Sukan dan Rekreasi supaya dapat menitik beratkan pengamalan gaya hidup yang sihat dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan. Selain itu, program di bawah kluster Ilmiah dan Kerohanian juga akan dilaksanakan untuk mengajak semua warga Wilayah Persekutuan tidak melupakan agama dalam kehidupan sehari-hari kita. Semoga melalui penganjuran program seperti ini dapat membentuk dan mendidik moral sosial masyarakat ke arah yang lebih baik.
19. Bagi pengisian program di bawah kluster mesra rakyat pula adalah seperti program Kenduri Rakyat Wilayah Persekutuan. Memandangkan program ini dilihat menjadi platform terbaik dalam mengeratkan bukan sahaja perhubungan para pemimpin bersama rakyat malah penyatuan penduduk di kawasan sekitar berkumpul dan bersatu padu menjayakan program adalah bertepatan dengan aspirasi Kementerian. Maka dengan itu, program ini diteruskan sebagai *signature* program sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan. Pada tahun ini, Parlimen Bandar Tun Razak telah dipilih sebagai tuan rumah penganjuran program Kenduri Rakyat WP.

20. KWP dan Agensi tidak akan melupakan kepada golongan yang memerlukan dalam pengisian program Hari Wilayah Persekutuan ini. Oleh itu, Program Tanggungjawab Sosial Masyarakat (CSR) juga akan dilaksanakan bagi membantu meringankan beban rakyat yang berkeperluan.

## PENUTUP

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

21. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru sekali lagi agar bersama-sama mengibarkan **bendera Wilayah Persekutuan**. Sekalung tahniah dan syabas kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang telah bekerja keras serta memberikan komitmen yang tinggi dalam menganjurkan kempen kibar bendera Wilayah Persekutuan ini.
22. Semoga semua program yang telah disusun dan bakal dijayakan oleh KWP dan Agensi di sepanjang bulan Februari ini akan mendapat penyertaan dari warga Wilayah Persekutuan. Program-program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 ini adalah untuk kita semua yang akan **menambahkan lagi semangat kecintaan dan rasa kasih sayang kita kepada Wilayah Persekutuan**.
23. **Akhir kata, dengan sukacita, saya dengan ini melancarkan Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan 2019.** Sekian, terima kasih.